**BAHAGIAN BEKALAN AIR**
**KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**
**ARAS 1 & 4, BLOK E4/5, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,**
**62668 PUTRAJAYA**
***(Ministry of Environment and Water Malaysia)***

**TEL : 03-8883 6000**
**FAKS : 03-8889 3071**
**03-8889 3312**
**WEB :**

Ruj.Kami : KASA:BBA.(S) 601-700/25(11)
Tarikh : 30 September 2021

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH BAGI PROJEK PEMBINAAN TAKUNGAN AIR PINGGIRAN SUNGAI (TAPS) LINGGI, NEGERI SEMBILAN**
**- Permohonan Kebenaran Menampal Notis Sebutharga (BBA/(SH/)07/2021)**

Adalah dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan, Pejabat ini bercadang untuk melaksanakan perolehan sebagaimana perkara di atas. Sehubungan dengan itu, Pejabat ini memohon kebenaran pihak tuan untuk menampal Notis Sebutharga tersebut di papan kenyataan pejabat pihak tuan **bermula pada 1 Oktober 2021 (Jumaat) sehingga 8 Oktober 2021 (Jumaat)**. Bersama-sama surat ini, disertakan sesalinan Notis Sebutharga berkenaan untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila pihak tuan berhubung dengan Pn. Norfazilah bt Abd Manan di talian 03-8883 6403 atau emel fazilah.manan@jba.gov.my.

3. Kerjasama daripada pihak tuan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HJ. ALIAS BIN AB KADIR)**
b.p : Pengarah
Bahagian Bekalan Air
Kementerian Alam Sekitar Dan Air

Ruj.Kami : KASA:BBA.(S) 601·700/25(11)
Tarikh : 26 September 2021

Senarai Edaran

1. Pengarah,
Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan
Tingkat Bawah, Blok B,
Wisma Negeri, 70503 Seremban, Tel : 06-765 9010
Negeri Sembilan Darul Khusus Faks : 06-765 9108

2. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan
Block A, Tingkat 2, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Kader Tel : 06-765 9900
70990 Seremban,Negeri Sembilan Faks : 06-763 5644

3. Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Seremban
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah,
Persiaran S2 A2 Seremban 2, Tel : 06-6015588
70300 Seremban, Negeri Sembilan Faks : 06-6015990
Emel: seremban@jkr.gov.my

4. Pejabat Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Pilah,
Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah, Tel : 06-4811019
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan Fax: 06-4581884
Emel: kualapilah@jkr.gov.my

5. Pejabat Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Rembau,
Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran Daerah Jalan
Dato' Lela Maharaja,
71309 Rembau, Negeri Sembilan Tel : 06-6851441
Emel: rembau@jkr.gov.my Fax: 06-6854317

Ruj.Kami : KASA:BBA.(S) 601-700/25(11)
Tarikh : 30 September 2021

6. Pejabat Jurutera Daerah
   Jabatan Kerja Raya Port Dickson,Tingkat 3,
   Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah, Tel : 06-6473040
   71009 Port Dickson, Negeri Sembilan. Faks : 06-6471272
   Emel: webmasterns@jkr.gov.my

7. Pejabat Jurutera Daerah,
   Jabatan Kerja Raya Daerah Tampin,
   Tingkat 3, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah, Tel : 06-4411001
   73000 Tampin, Negeri Sembilan. Fax: 06-4411657
   Emel: tampin.jkr@1govuc.gov.my

8. Pengarah,
   Syarikat Air Negeri Sembilan,
   Tingkat 2, Bangunan PKNNS,
   Jalan Persiaran S2B2,
   70300 Seremban, Negeri Sembilan Faks : 06-601 5456

**BAHAGIAN BEKALAN AIR**
**KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**
**NOTIS SEBUTHARGA**

**NO. SEBUT HARGA : BBA/(SH)/07/2021**
**TAJUK KERJA : SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH BAGI PROJEK PEMBINAAN TAKUNGAN AIR PINGGIRAN SUNGAI (TAPS) LINGGI, NEGERI SEMBILAN**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Tempatan (Negeri Sembilan sahaja) yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)** (jika berkaitan) yang **masih sah**, dalam **Gred G2, Kategori CE, Pengkhususan CE12 - Kerja Penyiasatan Tanah.**

2. Pihak kontraktor dikehendaki untuk mengisi **BORANG SARINGAN WAJIB** di pautan berikut: **https://forms.gle/Z2tiLDJXasxzgzsq9** mulai **1 Oktober 2021 (Jumaat) sehingga 8 Oktober 2021 (Jumaat).** Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil PPK, SPKK atau STB sahaja yang dibenarkan mendaftar dan mengisi Borang Saringan Wajib tersebut.

3. Dokumen sebut harga ini adalah **PERCUMA** dan hanya penyebut harga yang **LAYAK SAHAJA** (iaitu melepasi saringan wajib) akan menerima pautan muat turun dokumen sebutharga melalui emel. Dokumen sebut harga ini boleh dimuat turun mulai **11 Oktober 2021 (Isnin)** hingga **13 Oktober 2021 (Rabu).** Pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*) kepada pejabat ini.

4. Taklimat sebut harga dan Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Oleh itu, pihak kontraktor akan diberikan Slaid Taklimat bersekali dengan dokumen sebut harga sebagai rujukan. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor **DIGALAKKAN** untuk membuat lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri menggunakan lokasi yang akan diberikan dalam Slaid Taklimat.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertandakan **SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH BAGI PROJEK PEMBINAAN TAKUNGAN AIR PINGGIRAN SUNGAI (TAPS) LINGGI, NEGERI SEMBILAN** serta dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga/ melalui perkhidmatan pos/kurier ke **Seksyen Pentadbiran & Kewangan, Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Aras 1, Blok E4/5, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62668 Putrajaya** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada hari **Khamis,** bertarikh **21 Oktober 2021.**

**Ir. RAHMAT BIN HAJI ABD RAHMAN**
**Pengarah**
**Bahagian Bekalan Air**
**Kementerian Alam Sekitar Dan Air**

Nota:

1. Kos Perkhidmatan pos/kurier ditanggung oleh pihak penyebut harga.
2. Kelewatan penerimaan dokumen sebut harga melalui pos/ kurier selepas masa dan tarikh tutup sebut harga akan mengakibatkan dokumen sebut harga tersebut tidak diterima/dipertimbangkan.